

**'JANGAN JADIKAN ORANG LAIN YANG  
SEBANGSA SEBAGAI MANGSA'**

---

UM 2 MAR 1957

# PM mahu Melayu jadi peniaga yang amanah

### *Renungan*

RINGKANKANLAH penyakitmu dengan sedekah dan peliharalah hartamu dengan zakat. — Maksud hadis riwayat Imam Bokhari.

Oleh Hassan Mohd. Noor

## **KUALA LUMPUR 1 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu bangsa Melayu menjadi masyarakat peniaga yang amanah, jujur dan dipercayai oleh semua orang lain.**

Perdana Menteri berkata, peniaga - peniaga Melayu hendaklah dilihat sebagai bangsa yang mengotakan apa yang dikatakannya dan bangsa yang membayar balik pinjaman yang diambilnya. Menurutinya, sifat - sifat ini amat perlu untuk berniaga di masa depan.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, prestasi syarikat - syarikat perniagaan yang ada sekarang, sama ada berbentuk koperasi atau tidak, bukanlah semata - mata untuk kepentingan syarikat itu sahaja tetapi untuk kepentingan masa depan bangsa dalam urusan perniagaan.

Perdana Menteri mengingatkan syarikat - syarikat tersebut, khasnya yang dimiliki oleh orang Melayu, supaya tidak menjadikan orang lain yang sebangsa dengan mereka sebagai mangsa kepada kelemahan pengurusan perniagaan mereka.

Katanya, syarikat - syarikat perniagaan Melayu perlu mempunyai sistem pengurusan yang baik kerana orang lain akan melihat sejauh manakah mereka mampu menguruskan perniagaan termasuk berhubung dengan urusan pembayaran balik pinjaman bank.

"Kita, khasnya orang Melayu perlu berniaga untuk masa depan bangsa. Kita juga perlu menentukan bahawa dunia akan percaya kepada kita, apa yang dikata mesti dikota sedaya upaya seperti menjelaskan balik bayaran pinjaman.

**LIHAT MUKA 6**

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## **PM MAHU MELAYU JADI PENIAGA YANG AMANAH**

"Jika hutang tidak dapat dijelaskan oleh syarikat perniagaan sekarang maka orang akan hilang kepercayaan kepada bangsa kita sendiri. "Akibat perbuatan beberapa kerat manusia yang tidak membayar hutang, orang akan hilang kepercayaan kepada kita, maka bangsa kita yang menjadi mangsa, sukar untuk mendapat pinjaman," katanya. Beliau berkata, disebabkan kredibiliti bangsa yang telah rosak kerana tidak membayar hutang, maka orang lain akan menghadapi masalah. Sebaliknya, jika bangsa kita terkenal dengan sikap amanah, bertanggungjawab, jujur, ikhlas, cekap dalam pengurusan

perniagaan, maka orang lain berani memberi hutang, mungkin mereka bersedia memberi hutang tanpa cagaran. Sehubungan dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berharap, orang - orang Melayu atau syarikat - syarikat perniagaan khasnya yang dimiliki oleh orang Melayu sendiri menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka untuk menguruskan perniagaan masing - masing. Beliau juga menarik perhatian supaya mereka yang membuat pinjaman dengan bank - bank lebih - lebih lagi dengan MARA supaya menjelaskan hutang masing - masing bagi mengelakkan orang lain

menghadapi masalah untuk meminjam. Katanya, sikap bertanggungjawab perlu bagi tiap - tiap orang yang terlibat dalam urusan perniagaan sama ada perniagaan itu dijalankan atas modal sendiri atau secara pinjaman bank atau MARA. Beliau sedar, ada di antara peniaga yang benar - benar bertanggungjawab terhadap perniagaan apabila modal yang dikeluarkan adalah wang sendiri tetapi semangat bertanggungjawab itu agak kurang bila perniagaan itu berasaskan kepada pinjaman bank atau MARA. Perdana Menteri juga percaya, masalah tidak akan berlaku

dalam urusan perniagaan syarikat atau koperasi sekiranya pengurusan yang ada bertanggungjawab, jujur, ikhlas dan beramanah.

Bagaimanapun, menurut beliau lagi, ketika ini ramai pengarah dan pengurus syarikat / koperasi melakukan berbagai penyelewengan dengan menyalahgunakan wang ahli - ahli dan orang ramai.

"Pengurusan yang baik perlu bagi menghadapi masalah penyelewengan seperti yang berlaku sekarang di mana 'kekotoran' dalam koperasi terbongkar ketika negara menghadapi kemelesetan ekonomi" katanya.